

06 OCT 1998

Perhimpunan-batal

POLIS TIDAK KELUAR PERMIT UNTUK PERHIMPUNAN PERDANA

KUALA LUMPUR, 6 Okt (Bernama) -- Polis tidak mengeluarkan permit untuk Perhimpunan Perdana Barisan Nasional yang dijadualkan Sabtu ini di Stadium Nasional di sini, kata Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Kamaruddin Md Ali.

Beliau memberitahu Bernama bahawa Ketua Daerah Polis Cheras ACP Mohd Bakri Zinin membuat keputusan untuk tidak mengeluarkan permit berkenaan atas sebab-sebab keselamatan.

Katanya pihak penganjur perhimpunan itu telah dimaklumkan mengenai keputusan itu.

"Dengan ini polis menasihatkan orang ramai supaya tidak datang ke stadium itu pada waktu yang ditetapkan," kata Kamaruddin.

Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak yang juga Naib Presiden Umno semalam berkata perhimpunan itu dijangka dihadiri lebih 150,000 orang, dengan Umno diwakili oleh 50,000 anggota, MCA pula 20,000 hingga 30,000, MIC 10,000 anggota dan selebihnya daripada parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) lain.

Perhimpunan itu yang dirancang oleh Pemuda Barisan Nasional bertujuan menyatakan sokongan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kamaruddin juga berkata tiada permit dikeluarkan oleh polis kepada mana-mana pihak termasuk penganjur yang bercadang untuk mengadakan perhimpunan di tempat-tempat seperti Stadium Merdeka, Dataran Merdeka, sekitar Jalan Tuanku Abdul Rahman dan tempat lain di bandar raya pada tarikh yang sama.

Orang ramai dinasihatkan supaya tidak terpengaruh dengan risalah-risalah yang disebar mengenai perhimpunan berkenaan, kata beliau.

"Sebarang percubaan oleh mana-mana pihak termasuk penganjur dan orang ramai untuk menyertai atau mengadakan perhimpunan haram adalah salah dan boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 27 Akta Polis," katanya.

Terdapat risalah yang dipercayai disebar oleh penyokong bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk mengadakan perhimpunan di kawasan-kawasan itu bermula pukul 1.30 petang, Sabtu ini bagi menunjukkan sokongan terhadap Anwar.

-- BERNAMA

ZAI MAI